



“

**Terus Yakin,
Tetap Teguh dan
Percayalah, Kamulah
Keajaiban Sebenar!**

**RCCA Chang Boon Chui
(Carolyne) &
Song Hua Hui (Stephen)**

Bekas Pengasas Pusat Tuisyen &
Pemegang Saham Syarikat Pembinaan

Dari Jalan Berasingan ke Impian Bersama

Di Miri, Sarawak, kisah RCCA Carolyne dan suaminya, RCCA Stephen, telah diam-diam menginspirasi orang ramai. Kedua-duanya merupakan graduan dari Sheffield Hallam University di United Kingdom dalam jurusan Building Construction Management, dan bersama-sama mereka menubuhkan salah satu pusat tuisyen paling terkenal di Sarawak.

Carolyne, seorang pendidik yang bersemangat dalam bidang Fizik dan Matematik Lanjutan, telah mencurahkan lebih dua dekad hidupnya untuk mendidik lebih 2,000 pelajar.

Sementara itu, Stephen menempah kejayaan sebagai pemegang saham dalam sebuah syarikat pembinaan, menggunakan kepakaran dan wawasan perniagaannya untuk mencipta kejayaan tersendiri.

Bagi kebanyakan orang, mereka tampak sudah memiliki segalanya, kejayaan, kebahagiaan, dan kestabilan hidup. Namun jauh di hati, mereka tahu, tidak selamanya jalan kehidupan itu tenang. Saat angin perubahan bertiup, hanya keberanian dan ketegasan mampu menuntun langkah menuju transformasi yang sebenar. Dan ketika itu, kehidupan menghadihkan mereka sebuah peluang yang tidak disangka-sangka.

Perjalanan Dari Keraguan Menuju Keyakinan

Menyertai BE International sebenarnya tidak pernah menjadi sebahagian daripada perancangan Carolyne. Pada mulanya, beliau agak keberatan terhadap idea perniagaan jualan langsung. Walaupun rakan-rakannya kerap mengajaknya, Carolyne tetap menolak dengan sopan. Namun akhirnya, kerana tidak sampai hati untuk terus menolak, beliau mendaftar sebagai ahli dengan separuh hati dan mencuba seluar AULORA, sekadar “untuk memenuhi permintaan.”

Tanpa disangka, keputusan kecil itu menanam benih perubahan besar dalam hidupnya. Selepas memakai seluar AULORA, Carolyne hampir tidak percaya apabila sakit haid teruk yang dialaminya selama bertahun-tahun mula beransur pulih. Lebih daripada itu, keprihatinan tulus dan susulan berterusan daripada uplinenya membuatkan Beliau merasai ketulusan dan sokongan penuh makna yang jarang wujud dalam dunia perniagaan.

Persepsinya terhadap industri ini benar-benar berubah selepas menghadiri Persidangan Kepimpinan, di mana beliau berpeluang bertemu dengan Pengasas BE, Ir. Lee Suet Sen. Perkongsian beliau



Dana kereta kini jadi kereta impian.

ketika itu sepenuhnya mengubah tanggapan Carolyne terhadap dunia jualan langsung. Acara tersebut jauh berbeza daripada apa yang dibayangkannya, tiada persaingan, tiada kepura-puraan; hanya keikhlasan, kesatuan, dan rasa syukur. Pada saat itu, Carolyne sedar bahawa BE bukanlah seperti mana-mana syarikat jualan langsung yang pernah beliau kenali.

Percaya Bahawa Segala Berlaku ada Kebaikannya

Walaupun telah menyaksikan keberkesanan luar biasa produk BE dan tersentuh dengan budaya syarikat ini, Carolyne masih ragu-ragu untuk memberikan komitmen sepenuhnya.

Selama beberapa tahun, beliau berjuang mengimbangi antara mengurus pusat tuisyennya dan membina perniagaan BE, sering terasa seolah-olah terbelah antara dua dunia. Upline-nya telah berkali-kali menggalakkan beliau untuk melangkah sepenuhnya ke BE. Walaupun hati kecilnya terdetik untuk mencuba, beliau tetap tidak sanggup melepaskan kerjaya yang telah dibina dengan penuh dedikasi selama lebih dua dekad.

Keraguan itu berlarutan selama tiga tahun, sehinggalah kesihatannya mula merosot. Ketika itu, Carolyne sedar bahawa jika beliau terus mencurahkan tenaga kepada pusat tuisyen, tubuhnya akhirnya akan rebah. Dengan keberanian yang luar biasa, beliau membuat keputusan besar, menutup lembaran 20 tahun dalam dunia pendidikan, dan menumpukan sepenuh jiwa serta tenaga kepada BE.

Beberapa bulan kemudian, apabila pandemik melanda, Carolyne hanya mampu mengucap syukur. Jika beliau masih terikat dengan pusat tuisyen ketika itu, kehidupannya pasti terjejas dengan teruk.

Detik itu mengajarnya satu perkara; segala yang berlaku, pasti ada hikmahnya.

Pasangan dengan Kekuatan 200%

Sepanjang perjalanan Carolyne, Stephen menjadi tiang kekuatan yang tidak pernah goyah. Sebagai pemegang saham dalam sebuah syarikat pembinaan, beliau memiliki kerjaya yang stabil dan kehidupan yang selesa. Namun begitu, Stephen memilih untuk berdiri di belakang isterinya dengan tenang, memberi ruang, dorongan, dan keyakinan agar Carolyne dapat meneroka jalan baharu ini.

Namun hidup sekali lagi membawa haluan yang tidak disangka. Pada tahun 2023, kesihatan Stephen mula merosot, memaksanya berundur daripada peranannya dalam syarikat. Setelah melalui tempoh renungan yang panjang serta menerima bimbingan dan sokongan berterusan daripada upline-nya, beliau akhirnya membuat keputusan besar, meninggalkan segala pencapaian lalu dan melangkah mengikuti jejak isterinya, menyertai BE sepenuh masa.

Mereka berdua sedar bahawa tanpa BE, mereka mungkin sukar menghadapi tekanan hidup yang datang bersama cabaran



Gambar kenangan bersama pasukan.



Bersyukur atas bimbingan dari para Pengasas dan upline kami.



kesihatan dan kerjaya. Namun berkat peluang ini, mereka menemui semula makna kebebasan dan harapan baharu di tengah-tengah ujian kehidupan.

Bangkit dan Transformasi: Membantu Orang Lain, Sama Seperti Membantu Diri Sendiri

Selepas pandemik, pasaran berubah dengan begitu pantas. Pasukan Carolyne dan Stephen turut melalui tempoh yang mencabar, apabila ramai rakan niaga mula hilang semangat. Namun, mereka enggan berputus asa. Sebaliknya, mereka memilih untuk bangkit semula, belajar perkara baharu, menyesuaikan diri dengan dunia yang berubah, dan menyalakan kembali semangat pasukan yang hampir pudar.

Bagi mereka, BE menonjol bukan sekadar kerana produknya, tetapi kerana matlamatnya yang mendalam, untuk membawa kesejahteraan kepada semua. Kerendahan hati para pengasas, budaya kebajikan yang kukuh, serta sistem yang adil dan telus membuka mata mereka kepada satu hakikat: dalam BE, setiap insan mempunyai peluang untuk berjaya.

Kini, mereka telah mengubah “semangat mendidik” menjadi “misi untuk mengangkat orang lain.” Dahulu, mereka menerangi minda anak muda melalui pengajaran; kini, mereka membantu ahli pasukan mencapai impian yang dulu disangka mustahil.

Bagi mereka, kejayaan bukan milik individu semata-mata, tetapi hasil usaha seluruh pasukan.

Dianugerahkan pengiktirafan RCCA di BE Convention; satu pencapaian yang amat dihargai.



Keajaiban yang Paling Indah

Mengimbas kembali perjalanan mereka, Carolyne berkongsi dengan penuh rasa syukur: “Keputusan terbaik yang pernah saya buat adalah mempercayai diri sendiri, mempercayai upline saya, dan mempercayai BE.”

Stephen turut menyuarakan rasa yang sama. Bagi beliau, kejayaan sejati bukan diukur daripada berapa ramai pelajar yang telah diajar atau dari bidang mana seseorang itu datang, tetapi daripada keberanian untuk membuat keputusan yang tepat pada masa yang tepat, dan keberanian untuk membuka pintu baharu menuju masa depan.

Kini, mereka berdua menjalani kehidupan berlandaskan satu kepercayaan yang amat bermakna, keyakinan yang kini mereka wariskan kepada seluruh pasukan sebagai mesej harapan: “Terus yakin, tetap teguh, dan percayalah, kamulah keajaiban sebenar!”